

**TAHAP PENGETAHUAN DAN AMALAN PENGURUSAN DISIPLIN
PELAJAR DALAM KALANGAN GURU DISIPLIN DI SEKOLAH
MENENGAH KEBANGSAAN DAERAH SEGAMAT**

ANNEY ZAHARAZILAH BINTI YUNUS

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**TAHAP PENGETAHUAN DAN AMALAN PENGURUSAN DISIPLIN
PELAJAR DALAM KALANGAN GURU DISIPLIN DI SEKOLAH
MENENGAH KEBANGSAAN DAERAH SEGAMAT**

ANNEY ZAHARAZILAH BINTI YUNUS

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Pengurusan dan Pentadbiran

Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

8 JUN 2012

DEDIKASI

*Syukur atas kurniaanNYA pencapaian ini tercipta.
Terima kasih kepada ayahanda Yunus bin Mat Jaih dan bonda
Fatimah binti Abdul Hamid, kaum keluarga dikasihi. Berkat doa
dan restumu pencapaian ini terhasil.*

*Buat rakan-rakan seperjuangan di Persisir Segamat dan
di SMK Bandar Putra, Segamat terima kasih atas bantuan kalian
tanpa jemu membantu diri ini.
Semoga Allah membalas jasa kalian semua.*

PENGHARGAAN

Segala puji bagi Tuhan kerana dengan limpah kurniaNya, dapat jua saya menyiapkan Projek Sarjana ini sebagai memenuhi keperluan syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Pengurusan dan Pentadbiran.

Ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan saya kepada semua guru dan pensyarah yang telah memberi tunjuk ajar serta berkongsi ilmu yang berguna kepada saya, khasnya kepada Prof. Madya Dr. Yusof Boon selaku Penyelia Projek Sarjana ini. Jasa dan budi tuan, hanya Tuhan sahaja yang mampu membalasnya.

Penghargaan dan terima kasih juga saya tujukan kepada Tn. Hj. Hassan bin Hushin, Prof. Madya Dr. Noor Azlan bin Zanzali dan Prof Madya Dr. Azizi bin Yahaya di atas perkongsian ilmu dan bimbingan yang diberikan.

Penghargaan ini juga ditujukan khas buat Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri Johor, pihak sekolah, Guru Kanan HEM, guru-guru disiplin dan guru-guru yang sedia memberikan kebenaran dan komitmen di sepanjang kajian ini di jalankan.

Terima kasih kepada keluarga yang sabar serta memahami situasi saya di sepanjang projek ini di jalankan. Penghargaan juga ditujukan kepada rakan sepejuangan secara langsung atau tidak langsung sudi memberikan kerjasama dan dorongan yang begitu tinggi di sepanjang kajian. Sekian, terima kasih.

Abstrak

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti tahap pengetahuan dan amalan pengurusan disiplin pelajar dalam kalangan guru disiplin di Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Segamat berdasarkan aspek peraturan, hukuman dan pengurusan disiplin oleh guru disiplin di sekolah. Persampelan kajian melibatkan seramai 92 orang guru daripada Sekolah Menengah Kebangsaan di daerah Segamat. Kaedah tinjauan digunakan dalam menjalankan kajian manakala data diperolehi menggunakan kaedah soal selidik. Instrumen yang digunakan dalam soalselidik kajian ini ialah Multifactor Leadership Questionnaire (MLQ). Nilai kebolehpercayaan alpha Cronbach bagi kajian ini ialah 0.960. Seterusnya, data yang diperolehi daripada kajian rintis yang dijalankan terhadap 10 orang guru. Perisian *Statistical Package of Social Science (SPSS) 16.0* digunapakai untuk mengumpul, menyemak dan menganalisis data soal selidik dalam bentuk kekerapan, min, peratusan, sisihan piawai, ujian-t dan ANOVA Sehalu. Melalui hasil kajian menunjukkan tahap pengetahuan adalah tinggi iaitu 3.70 manakala tahap amalan pengurusan disiplin pelajar dalam kalangan guru disiplin di Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Segamat yang dikaji juga menunjukkan nilai min yang tinggi iaitu 3.91. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan persepsi dan tahap pengetahuan dan amalan pengurusan disiplin pelajar signifikan dalam kalangan guru disiplin berdasarkan jantina dan tempoh perkhidmatan namun tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan kaum responden.

ABSTRACT

This study was conducted to identify the level of knowledge and practice of Knowledge Management and among teacher practice for student discipline the folk school district based on their rules, punishment and discipline management by discipline teachers in schools. Sampling study involving 92 teachers from schools in the district of Segamat. The survey method used in conducting the study and the data were obtained using questionnaires. Instruments used in this study questionnaires Multifactor Leadership Questionnaire is (MLQ). Cronbach alpha reliability value for this study is 0.960. Further, the data obtained from the pilot study of 10 teachers. Software Statistical Package of Social Science (SPSS) 16.0 used to collect, review and analyze the survey data in terms of frequency, mean, percentage, standard deviation, t-test and one way ANOVA. Through the results showed a high level of knowledge is of 3.70, while the level of student discipline management practices in the discipline of teachers in the District Folk School who studied also showed a high mean value of 3.91. The results showed that there were differences in perception and level of knowledge and significant student discipline management practices in the discipline of teachers based on gender and length of service but there were no significant differences based on ethnic respondents.

KANDUNGAN

BAB	TAJUK	MUKASURAT
	PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	HALAMAN PENGAKUAN	
	HALAMAN JUDUL	i
	DEDIKASI	ii
	PENGHARGAAN	iii
	ABSTRAK	iv
	ABSTRACT	v
	KANDUNGAN	vi
	SENARAI JADUAL	ix
	SENARAI RAJAH	xi
	SENARAI SIMBOL	xii
	SENARAI LAMPIRAN	xiii
1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	5
	1.3 Pernyataan Masalah	7
	1.4 Objektif Kajian	7
	1.5 Persoalan Kajian	8
	1.6 Kerangka Teori / Model	8
	1.7 Kerangka Kajian	9
	1.8 Kepentingan Kajian	10
	1.9 Batasan Kajian	11
	1.10 Prosedur Kajian	11

1.11	Definisi, Istilah / Operasional	12
1.12	Kesimpulan	15
2	SOROTAN KAJIAN	
2.1	Pengenalan	16
2.2	Teori / Model	18
2.3	Kajian Terdahulu	
2.3.1	Kajian Dalam Negara	28
2.3.2	Kajian Luar Negara	31
2.4	Kesimpulan	33
3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	35
3.2	Reka Bentuk Kajian	35
3.3	Lokasi Kajian	36
3.4	Populasi Dan Sampel Kajian	37
3.5	Instrument Kajian	38
3.6	Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen	41
3.7	Analisis Data	41
3.8	Kajian Rintis	43
3.9	Kesimpulan	44
4	ANALISIS DATA	
4.1	Analisis Deskriptif Latar Belakang Responden	46
4.2	Analisis Data Bahagian A(Latar Belakang Responden)	47
4.3	Analisis Bahagian B (Tahap Pengetahuan)	50
4.4	Analisis Bahagian C (Tahap Amalan Guru Disiplin)	62
4.5	Peratusan Keseluruhan Persoalan Kajian Dan Min Bagi Pengurusan Disiplin Dalam Tahap Pengetahuan Guru Disiplin Di Daerah Segamat	75
4.6	Peratusan Keseluruhan Persoalan Kajian Dan Min Bagi Pengurusan Disiplin Dalam Tahap Amalan Guru Disiplin Mengikut Demografi (Jantina, Kaum dan Tempoh Perkhidmatan Di Daerah Segamat	76
4.7	Peratusan Keseluruhan Persoalan Kajian Dan Min Bagi Pengurusan Disiplin Dalam Tahap Amalan Guru Disiplin Di Daerah Segamat	77
4.8	Peratusan Keseluruhan Persoalan Kajian Dan Min Bagi Pengurusan Disiplin Dalam Tahap Amalan	

Guru Disiplin Mengikut Demografi (Jantina, Kaum dan Tempoh Perkhidmatan Di Daerah Segamat)	79
4.9 Rumusan	81
5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN	
5.1 Pengenalan	82
5.2 Perbincangan Dapatan	82
5.2.1 Bahagian A (Latar Belakang Responden)	83
5.2.2 Persoalan Kajian Pertama	
5.2.2.1 Apakah tahap pengetahuan guru disiplin dalam melaksanakan pengurusan disiplin di Sekolah Menengah Kebangsaan di Daerah Segamat	84
5.2.3 Persoalan Kedua	
5.2.3.1 Apakah tahap amalan guru disiplin dalam Melaksanakan pengurusan disiplin di Sekolah Menengah Kebangsaan di Daerah Segamat	86
5.2.4 Persoalan Ketiga	
5.2.4.1 Apakah tahap pengetahuan guru disiplin tentang pengurusan disiplin mengikut demografi (jantina, kaum, tempoh perkhidmatan)	88
5.2.4 Persoalan Keempat	
5.2.4.1 Apakah tahap amalan guru disiplin tentang pengurusan disiplin mengikut demografi (jantina, kaum dan tempoh perkhidmatan)	90
5.3 Rumusan	92
5.4 Cadangan Kajian	92
5.5 Cadangan Kajian Lanjutan	95
5.6 Penutup	96

RUJUKAN

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	HALAMAN
3.1	Menunjukkan taburan sekolah yang dipilih dan berbeza latar belakang sekolah	37
3.2	Taburan item mengikut Pengetahuan dan Amalan Pengurusan Disiplin Pelajar Oleh Guru Disiplin Di Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Segamat	40
3.3	Jawapan Mengikut Skala Likert	40
3.4	Tahap Pengetahuan dan Amalan Pengurusan disiplin di sekolah Mengikut Nilai Min	41
3.5	Ringkasan Pengujian Statistik Objektif Kajian	43
4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	47
4.2	Taburan Responden Mengikut Umur	48
4.3	Taburan Responden Mengikut Etnik	48
4.4	Taburan Responden Mengikut Kelulusan Akademik	49
4.5	Taburan Responden Mengikut Tempoh Perkhidmatan	50
4.6	Taburan Responden Mengikut Aspek : Garis Panduan Peraturan Sekolah	51
4.7	Taburan Responden Mengikut Aspek Hukuman Disiplin di sekolah	53
4.8	Taburan Responden Mengikut Aspek Rekod Disiplin	55
4.9	Taburan Responden Mengikut Aspek Prestasi di Sekolah	57
4.10	Taburan Responden mengikut Aspek Rekod Mesyuarat	60
4.11	Taburan Responden mengikut Analisis Aspek Rekod Tindakan	61

4.12	Taburan Responden Mengikut Aspek : Pelaksanaan Peraturan Sekolah	63
4.13	Taburan Responden mengikut Aspek Hukuman Disiplin di sekolah	67
4.14	Taburan Responden Mengikut Aspek Pengurusan Rekod Disiplin	68
4.15	Taburan Responden Mengikut Aspek Prestasi di Sekolah	69
4.16	Taburan Responden Mengikut Aspek Rekod Mesyuarat	72
4.17	Taburan Responden Mengikut Aspek Rekod Tindakan	74
4.18	Jadual Keseluruhan Persoalan Kajian Dan Min Bagi Tahap Pengetahuan Kualiti Pengurusan Disiplin di Sekolah Menengah di Daerah Segamat	75
4.19	Jadual Keseluruhan Persoalan Kajian Dan Min Bagi Tahap Amalan Kualiti Pengurusan Disiplin di Sekolah Menengah di Daerah Segamat	76
4.20	Ujian-T Antara Tahap Pengetahuan Responden Mengikut Jantina	77
4.21	Ujian Anova Antara Tahap Pengetahuan Responden Mengikut Kaum	78
4.22	Ujian Anova Antara Tahap Pengetahuan Responden Mengikut Tempoh Perkhidmatan	78
4.23	Ujian-T Antara Tahap Amalan Responden Mengikut Jantina	79
4.24	Ujian Anova Antara Tahap Amalan Responden Mengikut Kaum	80
4.25	Ujian Anova Antara Tahap Amalan Responden Mengikut Tempoh Perkhidmatan	81

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	HALAMAN
1.6	Model Operasi Kepimpinan Guru / Guru Besar / Pengetua Dalam Pengurusan Disiplin Murid / Sekolah	9
1.7	Kerangka Kajian Amalan Dan Tahap Pengetahuan Pengurusan Disiplin Pelajar Oleh Guru Disiplin Di Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Segamat	9

SENARAI SIMBOL / SINGKATAN

ANOVA	-	<i>Analysis of Variance</i>
AJK	-	Ahli Jawatankuasa Program
GPK HEM	-	Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid
JPN	-	Jabatan Pelajaran Negeri
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
KBSM	-	Kurikulum Baru Sekolah Menengah
LDP	-	Latihan Dalam Perkhidmatan
PIBG	-	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
PPD	-	Pejabat Pelajaran Daerah
SMM	-	Sistem Maklumat Murid
SPSS	-	<i>Statistical Package for Sosial Science</i>

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	HALAMAN
A	Borang Soal Selidik	111
B	Borang Pengesahan Soal Selidik	120
C	Surat Pengesahan dari Jabatan Pelajaran bagi menjalankan kajian	121
D	Surat Kelulusan dari Kementerian Pelajaran Malaysia Bagi menjalankan kajian	122
E	Surat Pengesahan dari Timbalan Dekan (Pengajian Siswazah Dan Penyelidikan) Fakulti Pendidikan	124

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Peranan guru disiplin membina sahsiah pelajar yang baik melalui nilai murni bagi melahirkan pelajar bertanggungjawab dalam memimpin masyarakat dan negara di masa akan datang. Ia penting untuk pembentukan jati diri pelajar bagi mewujudkan masyarakat Malaysia yang berketrampilan dari segi sikap, tingkahlaku, penampilan dan pembentukan akhlak pelajar. Jika dilihat definisi disiplin ialah peraturan ditetapkan untuk melatih seseorang supaya berkelakuan baik. Seterusnya, kepatuhan kepada peraturan yang ditetapkan, tetapi apa yang berlaku pelajar melanggar peraturan yang telah di tetapkan. Pelajar-pelajar di sekolah perlu diberi perhatian agar tidak melakukan tendensi yang tinggi untuk terlibat di dalam gejala disiplin di sekolah.

Oleh itu, guru disiplin perlu peka dengan keadaan sekeliling pelajar dan pengaruh yang ada di sekolah. Guru disiplin perlu mempunyai amalan dan pengetahuan untuk menguruskan disiplin di sekolah. Perubahan sikap dan tingkahlaku pelajar yang menunjukkan tindakan yang negatif. Menurut Mohd Ismail (2006), Kementerian Pendidikan mencadangkan penubuhan Jawatankuasa Penasihat Hal-Ehwal Murid pada peringkat daerah dan sekolah (Kementerian Pendidikan, 1988). Pada peringkat sekolah jawatankuasa terdiri daripada guru-guru sahaja. Inilah pentingnya kepada jawatankuasa tersebut kerana mendapat 'feedback' yang berguna bagi mengatasi masalah disiplin di sekolah, dapat mengetahui berkenaan pelajar dan cadangan bagi meningkatkan tahap disiplin di sekolah. Guru disiplin

perlu mengambil langkah awal bagi membantu pelajar daripada terjebak dengan aktiviti negatif tersebut. Pengurusan disiplin yang cekap di sekolah dapat mengelakkan pelajar daripada melanggar disiplin di sekolah.

Seterusnya, menurut Mohd Ismail (2006), di dalam pengurusan disiplin pelajar ia berkait rapat dengan kawalan disiplin pelajar oleh pihak sekolah melibatkan tiga aspek tindakan iaitu :

- a. Penyediaan asas-asas kawalan tatatertib terutama sekali penentuan kesalahan tatatertib.
- b. Pelaksanaan proses tatatertib, dan
- c. Mengenakan hukuman tatatertib.

Menurut Abdul Rahman dalam Mohd Ismail (2006), kebanyakan sekolah menggubal peraturan-peraturan sekolah berasaskan undang-undang dan pekeliling yang sedia ada yang diterima oleh sekolah dari semasa ke semasa. Pengetua dan guru besar akan mengagihkan dan menurunkan kuasa pelaksanaan kawalan tatatertib kepada Badan Disiplin, Lembaga Pengawas untuk menyiasat, membicara dan mengenakan hukuman kepada pelajar yang melakukan kesalahan. Selain itu, sistem pengurusan disiplin yang baik seharusnya berpandukan kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan melalui pekeliling-pekeliling ikhtisas yang dikeluarkan dari semasa ke semasa contohnya, Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.18/1998 : Penggunaan budi Bicara Ketika Mengambil Tindakan.

“Dalam menggunakan kuasa, budi bicara, pertimbangan dan perhatian hendaklah diberi kepada ketetapan membuat keputusan, di samping bersikap terbuka, bersedia mendengar pandangan dan tidak bersikap defensif. Perundingan hendaklah dilakukan dengan penuh hemah, berdiplomasi dan dilakukan dalam suasana yang harmonis’.

Guru Disiplin memainkan peranan yang penting dalam pemupuk disiplin di kalangan pelajar. Menurut SMTI (2010) guru disiplin yang berjaya dapat memahami pengurusan disiplin di sekolah dan mengetahui tatacara guru disiplin iaitu :

- i. Memahami segala peraturan sekolah dan bersedia melaksanakannya.
- ii. Memantau dan prihatin terhadap segala salah laku murid.
- iii. Mengambil tindakan mengikut kesuaian kesalahan murid.
- iv. Mematuhi prosedur tindakan mengikut bidang kuasa yang diberi.
- v. Merekod atas tindakan yang diambil.
- vi. Bekerjasama guru disiplin/Kaunselor dalam mengatasi masalah disiplin murid
- vii. Menunjuk contoh atau menjadi 'rule model' kepada murid.

Selain itu, daya penggerak disiplin pelajar di sekolah perlu dipengaruhi oleh tindakan dan peraturan yang dijalankan. Terdapat pelbagai pandangan dikemukakan oleh menurut Shoba (2007) di dalam pengurusan disiplin sekolah apa yang diperlukan adalah perlu ada oleh seorang guru disiplin iaitu :

- i. Unsur yang boleh mewujudkan ketertiban masyarakat dengan :
 - a. Peraturan-peraturan yang dikenakan
 - b. Tindakan individu untuk menempatkan dirinya dalam masyarakat
 - c. Garis panduan yang patut diamalkan oleh individu melalui Panduan Mengenai Disiplin Murid.(1982) : KPM
- ii. Kesanggupan seseorang untuk menghormati dan mematuhi undang-undang merujuk kepada Laporan JK Kabinet. (1979) : KPM
- iii. Tingkahlaku mematuhi peraturan dan menghargai nilai-nilai masyarakat berdasarkan Buku Ee Ah Meng.(1992). Pedagogi Satu Pengenalan : Fajar Bakti
- iv. Tindakan pengurusan untuk menguatkuasa standard organisasi oleh John W.N & Keith D.(1993). Organizational Behavior: Mc-Graw Hill Inc.
- v. Mematuhi undang-undang atau pihak berkuasa bagi American Heritage Dictionary
- vi. Kaedah sistematik untuk memperolehi kepatuhan/ketaatan melalui American Heritage Dictionary
- vii. Kawalan diri yang diperolehi melalui latihan dengan Farlex Dictionary
- viii. Kebolehan mematuhi peraturan untuk mewujudkan sekitaran yang selamat dengan M.Lee Manning.(2003). Classroom Management :Meril Prentice Hall

Selain itu, bagi memantapkan perjalanan pengurusan disiplin perlu menitikberatkan kepada konsep menjalankan kuasa disiplin iaitu dengan :

Pihak Berkuasa Disiplin itu perlu merujuk kepada Seksyen 116 Ordinan Pelajaran 1957, kuasa diberikan oleh Yang Di-Pertuan Agong kepada Menteri-Menteri membuat peraturan yang dinamakan Peraturan-Peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah), 1959

Seterusnya sebagai Guru Besar/Pengetua bertanggungjawab ke atas disiplin sekolah. Kuasa ke atas guru dan pelajar diberikan Peraturan 4 & 5, Peraturan-Peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959 iaitu melihat kepada Kuasa Guru Besar/Pengetua iaitu :

- a. Menggubal dasar disiplin sekolah mengikut kesesuaian sekolah
- b. Buku Peraturan Disiplin Sekolah diwujudkan dan menjadi panduan ketika menjalankan hukuman-hukuman
- c. Membentuk JK disiplin di sekolah
- d. Menurunkan kuasa disiplin dan kuasa menjalankan hukuman kepada guru lain
- e. Mematuhi perintah apabila ada perintah bertulis dari Pendaftar/Pendaftar Besar

ii. Peraturan Yang Harus Dipatuhi Dalam Menjalankan Kuasa Disiplin

- a. kuasa dan budi bicara diberikan
- b. mengamalkan keadilan
- c. peruntukan yang dinyatakan dalam peraturan dipatuhi
- d. 'natural justice' diperhatikan
- e. hak untuk dibicarakan
- f. dakwaan dan tuduhan dimaklumkan
- g. hukuman dijatuhkan selepas pembelaan
- h. peluang membuat rayuan dan didengari

iii. Langkah-Langkah Yang Harus Diambil

- a. Terima aduan, pastikan kebenaran aduan, siasatan awal dan pastikan kes itu bersabit
- b. Beri peluang kepada pelajar untuk menafikan dakwaan/tuduhan dan membela diri
- c. Cadangkan hukuman

- iv. Membuat Keputusan
 - a. Bebaskan pelajar jika tuduhan tidak ada bukti dan tindakan selanjutnya tidak perlu
 - b. Pelajar mengaku bersalah atau didapati bersalah maka hukuman perlu dikenakan di atas kesalahan tersebut
 - c. Hukuman mestilah adil
 - d. Rekod disiplin

1.2 Latar Belakang Masalah

Di sekolah, satu jawatankuasa khas di dalam pengurusan disiplin sekolah iaitu di bawah pengurusan HEM dikenali sebagai Jawatankuasa Hal Ehwal Murid (HEM). Di bawah pengurusan HEM pengurusan disiplin pelajar terdiri daripada Lembaga Disiplin Sekolah, Jawatankuasa Sistem Disiplin Murid (E-Disiplin, SMM, BMM), unit disiplin dan guru penasihat badan pengawas. Guru disiplin yang dilantik oleh pengetua diberi kuasa untuk mengetuai pengurusan disiplin di sekolah. Jawatankuasa Hal Ehwal Murid (HEM) yang dibentuk akan merangka program-program membantu sekolah bagi menjayakan visi dan misi Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu Visi KPM : Sekolah Unggul Penjana Generasi Terbilang. Misi pula Membangun potensi individu Melalui Pendidikan Berkualiti.

Keberkesanan unit HEM ini melihat komitmen setiap guru disiplin yang mengendalikan amalan dan pengetahuan mereka untuk melicinkan pengurusan ini. Dengan itu pelbagai program unit HEM yang perlu melibatkan guru-guru dalam meningkatkan kebajikan murid dalam menggubal peraturan-peraturan di sekolah, membincangkan kes-kes disiplin, mengkaji dan menimbangkan pandangan, pendapat dan cadangan dari murid-murid, guru-guru, ibu bapa dan masyarakat serta memberi pandangan dalam hal ehwal pengawas di sekolah.

Guru disiplin perlu memahami konsep sebenar tugas guru disiplin dan memahami peraturan disiplin dengan jelas dan tepat. Dengan adanya pengetahuan, guru disiplin ada panduan untuk mengambil tindakan disiplin dengan merujuk

kepada tatacara disiplin dan peraturan sekolah. Menurut Mohd Anuar. et al. (2008) menyatakan guru disiplin yang dilantik mempunyai pengetahuan yang luas dalam menangani masalah disiplin berkaitan dengan jenayah dan kes polis. Guru disiplin dapat bertindak mengikut prosedur ditetapkan semasa mengambil tindakan. Jika tidak mereka disaman oleh ibubapa. Guru disiplin perlulah menjadikan pekeliling ikhtisas disiplin sebagai rujukan.

Sebagai guru disiplin perlu melaksanakan amalan tugas mereka dengan penuh berdedikasi dan produktif. Menurut Dr. James Ang Jit Eng (2005) guru disiplin perlu tahu punca berlaku salah laku dan ambil tindakan bagaimana mengelak daripada ianya berlaku. Kenalpasti jenis-jenis salah laku dan cadangan alternatif perlu di laksanakan.

Tambahan pula, berdasarkan Dr. James Ang Jit Eng (2005) banyak peraturan-peraturan telah digubal oleh pihak sekolah dan Kementerian Pendidikan Malaysia melalui surat pekeliling untuk menangani masalah disiplin tetapi masalah disiplin berpunca dari kelemahan pengurusan di bilik darjah (peringkat mikro). Amalan-amalan yang sepatutnya dilakukan untuk memastikan pelajar berdisiplin dan mengikut Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Akta 550. Sekolah sebagai agen perubahan maka pengurusan disiplin sekolah dapat menjadikan pelajar sebagai warganegara yang bertanggungjawab kepada diri, bangsa dan negara. Di dalam kajian ini dengan tempoh perkhidmatan guru disiplin dalam amalannya akan menjadikan pengalaman pengurusan semakin baik sebab amalan yang baik diteruskan.

Seterusnya, menurut Dr. James Ang Jit Eng (2011) menyatakan disiplin adalah bentuk kawalan sosial mewujudkan suasana tenteram dan teratur baik dalam masyarakat mahupun di sekolah. Masyarakat memerlukan warga memiliki disiplin sendiri hasil kesederhana dan keinsafan akan peri mustahaknya amalan disiplin itu. Jelas di sini warga sekolah perlu mempunyai amalan disiplin yang baik untuk dilaksanakan di sekolah bagi mewujudkan suasana harmoni dan baik di sekolah.

1.3 Pernyataan Masalah

Kajian ini mengenai pengetahuan dan amalan pengurusan disiplin pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Segamat. Kajian ini dijalankan untuk mengetahui sejauhmana tahap pengetahuan dan amalan guru disiplin supaya pengurusan disiplin yang berkesan dapat diamalkan. Selain itu, kajian ini melihat tahap pengetahuan dan amalan pengurusan disiplin mengikut demografi (jantina, kaum dan tempoh perkhidmatan). Kajian ini tertumpu kepada 12 buah sekolah di sekitar daerah Segamat kerana sebelum ini belum ada kajian analitikal dijalankan secara khusus di daerah ini.

1.4 Objektif kajian

Peranan guru disiplin dapat melahirkan pelajar yang berdisiplin dan bertanggungjawab mematuhi peraturan dan undang-undang di sekolah setiap masa. Ia dapat meningkatkan disiplin pelajar di dalam akademik dan kokurikulum. Seterusnya membentuk akhlak pelajar yang mulia dan membentuk menghargai persekitaran, harta benda dan melahirkan pelajar yang prihatin kepada keharmonian negara secara keseluruhannya. Berdasarkan persoalan yang dikemukakan di atas, kajian objektif ini mengkaji :

- i. Mengetahui tahap pengetahuan guru disiplin dalam melaksanakan pengurusan disiplin di Sekolah Menengah Kebangsaan di Daerah Segamat.
- ii. Mengenalpasti tahap amalan yang dimiliki guru disiplin dalam mengurus disiplin di Sekolah Menengah Kebangsaan di Daerah Segamat.
- iii. Mengenalpasti sama ada terdapat perbezaan tahap pengetahuan guru disiplin tentang pengurusan disiplin mengikut demografi (jantina, kaum dan tempoh perkhidmatan).

- v. Mengenalpasti sama ada terdapat perbezaan tahap amalan disiplin tentang pengurusan guru disiplin mengikut demografi (jantina, kaum dan tempoh perkhidmatan).

1.5 Persoalan Kajian

Bagi menjalankan penyelidikan ini fokus diberikan kepada beberapa persoalan penting berdasarkan objektif yang telah digariskan. Persoalan tersebut adalah :

- i. Apakah tahap pengetahuan guru disiplin dalam melaksanakan pengurusan disiplin di Sekolah Menengah Kebangsaan di Daerah Segamat.
- ii. Apakah tahap amalan yang dimiliki guru disiplin dalam mengurus disiplin di Sekolah Menengah Kebangsaan di Daerah Segamat.
- iii. Apakah tahap pengetahuan guru disiplin tentang pengurusan disiplin mengikut demografi (jantina, kaum dan tempoh perkhidmatan).
- v. Apakah tahap amalan guru disiplin tentang pengurusan disiplin mengikut demografi (jantina, kaum dan tempoh perkhidmatan).

1.6 Kerangka Teori / Model


Amalan Dan Tahap Pengetahuan Pengurusan Disiplin Pelajar Oleh Guru Disiplin Di Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Segamat

Model Operasi Kepimpinan Guru / Guru Besar / Pengetua Dalam Pengurusan Disiplin Murid / Sekolah



1.7 Kerangka Kajian

Amalan Dan Tahap Pengetahuan Pengurusan Disiplin Pelajar Oleh Guru Disiplin Di Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Segamat



1.8 Kepentingan Kajian

Dapatan kajian ini memberi gambaran sebenar tahap pengetahuan dan amalan guru disiplin dalam melaksanakan pengurusan disiplin di sekolah. Hasil kajian ini dapat menjadi input, sumber rujukan dan panduan kepada pihak yang berminat untuk mengkaji secara mendalam tentang pengurusan disiplin.

Kajian ini juga dapat memahami tugas sebenar yang dijalankan oleh guru disiplin berdasarkan amalan dijalankan berdasarkan ilmu pengetahuan, kursus dihadiri, seminar, penglibatan secara peribadi dalam aktiviti disiplin dan pengalaman diperolehi daripada kes-kes yang dihadapi. Ini memberi impak kepada bakal guru disiplin untuk mengetahui peranan sebenar guru disiplin di sekolah. Ia juga dapat memperbaiki kekurangan yang ada di dalam pengurusan disiplin di sekolah. Menurut Khalim, Wan Zulkifli (2009), menegaskan di Malaysia masalah disiplin sering menjadi perhatian media massa dan terus dibincangkan oleh masyarakat tiada penghujungnya. Pelbagai pandangan telah diutarakan oleh masyarakat dan perlunya tindakan tegas diambil terhadap kemerosotan masalah disiplin pelajar. Pelbagai langkah dibuat iaitu inginkan lebih kuasa diberikan kepada guru disiplin bertindak, pihak sekolah disalahkan kerana kerana tindakan guru melampaui batas terhadap masalah disiplin pelajar iaitu mencubit keterlaluan, merotan hingga meninggalkan kesan, mengarah pelajar berdiri lama. Daripada tindakan yang dipaparkan oleh media massa jelaslah di sini guru tidak ada suatu garis panduan dalam menangani pelajar yang tidak berdisiplin. KPM mengeluarkan pekeliling tentang tatacara menangani pelajar yang tidak berdisiplin dan menyedari bahawa tugas mendisiplinkan pelajar sesuatu yang berat, kita perlu sedar tanpa disiplin yang tegas suasana kondusif di sekolah tidak akan wujud. Peri mustahaknya disiplin ditegaskan oleh KPM (1981).

Disiplin adalah satu aspek kehidupan yang mesti wujud dalam masyarakat. Oleh itu ia hendaklah mendapat perhatian berat dari semua sama ada di sekolah atau di luar sekolah.

Justeru itu, kajian ini dapat menyedarkan peranan pihak pengurusan disiplin sekolah peranan yang perlu diambil bagi melaksanakan tugas disiplin di sekolah. Selain itu, cadangan penambahbaikan, mengenalpasti program dan kursus yang sesuai untuk guru disiplin dalam menjalankan prosedur peraturan disiplin berdasarkan ketetapan daripada KPM. Guru disiplin juga dapat mengetahui cadangan sebagai garis panduan daripada guru disiplin di sekolah melalui pengetahuan dan amalan dalam usaha-usaha untuk menjayakan pengurusan disiplin di sekolah dan mengurangkan masalah disiplin di peringkat sekolah dan daerah.

1.9 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada 12 buah sekolah menengah kebangsaan di daerah Segamat, terdiri 92 orang guru yang terdiri daripada Penolong Kanan HEM dan guru disiplin di sekolah di bawah pentadbiran Pejabat Pelajaran Daerah Segamat. Sampel Penolong Kanan HEM dan guru disiplin yang terlibat adalah di kalangan guru yang melibatkan diri dalam menjalankan prosedur pelaksanaan pengurusan disiplin pelajar di sekolah. Kajian ini melihat penglibatan guru disiplin dapat menjalankan pengurusan disiplin melalui tahap pengetahuan dan amalan guru tersebut di dalam menyelesaikan masalah disiplin di sekolah.

1.10 Prosedur Kajian

Permulaan proses kajian dimulakan dengan mendapatkan permohonan dibuat kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.

Seterusnya, mendapatkan permohonan Surat Pengesahan dari Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia. Penyelidik juga memohon kebenaran

Jabatan Pelajaran Negeri Johor untuk melaksanakan penyelidikan di sekolah-sekolah dipilih di daerah Segamat.

Justeru itu, bantuan dan kerjasama dari Pengetua, Penolong Kanan HEM dan guru disiplin dapat melancarkan dalam pengumpulan data dan maklumat yang lengkap setiap borang soalselidik dapat melancarkan pengurusan dapatan data. Borang soalselidik dihantar terus ke sekolah agar tidak berlaku kehilangan dan data diperolehi dianalisis. Soal selidik akan dibangunkan dengan kebenaran Kementerian Pelajaran Malaysia.

Terima kasih kepada semua guru disiplin dalam menjawab soal selidik diberikan, untuk melicinkan soal selidik ini dibantu oleh Ketua Guru Disiplin untuk menjawab soalan di Bilik Guru dan dipungut. Borang soalselidik diteliti dan yang telah dikemaskini dengan sempurna sahaja digunakan untuk diproses untuk mendapatkan analisis data.

1.11 Definisi, konsep dan istilah

Terdapat definisi, konsep dan istilah yang digunakan dalam konteks kajian ini ialah :

1.11.1 Pengetahuan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007 : 1571) pengetahuan bermaksud perihal mengetahui, apa-apa yang diketahui. Selain itu perihal tahu, kepandaian, kebijaksanaan. Ilmu segala yang akan atau dipelajari. Kamus Bahasa Melayu Utusan (2002 : 405) bermaksud bukan sesuatu. Kepandaian, ilmu/keilmuan, kebijaksanaan, kepakaran, keahlian, kecekapan, kemahiran kepintaran, pelajaran, pendidikan. Di dalam kajian ini pengetahuan ialah ilmu yang diperolehi digunakan kepada semua warga sekolah untuk memudahkan pengurusan disiplin dilaksanakan di sekolah.

1.11.2 Amalan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) iaitu sesuatu yang dilakukan (dilaksanakan, dikerjakan dan sebagainya) sebagai suatu kebiasaan, padanya yang sebenarnya berlaku atau terdapat, pada praktiknya, pada kebiasaannya. Selain itu, perbuatan baik, kebajikan. Selain itu, menurut Kamus Fajar KBSM Oxford Fajar (2007 : 18) amalan iaitu kebajikan dan perbuatan yang dilakukan sebagai suatu kebiasaan. Di dalam kajian ini amalan adalah perbuatan dan tindakan yang dibuat dapat melancarkan pengurusan disiplin di sekolah.

1.11.3 Pengurusan

Mengikut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007 : 1780), pengurusan ialah perihalan (kerja dan sebagainya) menguruskan sesuatu perihal mengurus (syarikat, perniagaan) dan lain-lain. Manakala menurut Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan (2002 : 2156) bermaksud urusan pengendalian, penyelenggaraan, perawatan, pengelolaan, pemerintahan dan pentadbiran. Di dalam kajian ini pengurusan iaitu urusan pengurusan berdasarkan peraturan, tindakan dan garis panduan disiplin yang digunakan di sekolah untuk melaksanakan disiplin di sekolah.

1.11.4 Disiplin

Mengikut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007 : 356) latihan pemikiran dan kelakuan supaya boleh mengawal diri berdiri dan patuh pada tatatertib. Peraturan ditetapkan untuk melatih seseorang supaya berkelakuan baik. Kepatuhan kepada peraturan telah ditetapkan. Hukuman atau denda kerana melanggar sesuatu peraturan ditetapkan. Kamus Pelajar Terbitan Khas

KBSM, (2006 : 158) pula mendefinisi disiplin iaitu peraturan untuk melatih seseorang supaya berkelakuan baik. Kepatuhan atau ketaatan kepada tata tertib dan peraturan. Di dalam kajian ini disiplin ialah kepatuhan kepada peraturan ditetapkan melalui hukuman dan dendaan yang dilaksanakan di dalam disiplin.

1.11.5 Pelajar

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) ialah orang yang belajar (seperti murid sekolah, penuntut di maktab dan sebagainya), orang yang mengaji (menyelidiki ilmu) di sekolah menengah dan universiti. Di dalam kajian ini pelajar adalah murid yang belajar di sekolah menengah kebangsaan di daerah Segamat.

1.11.6 Sekolah

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007 : 1415), sekolah ialah tempat untuk belajar dan mengajar, tempat menerima dan memberi pelajaran. Masa belajar di sekolah. Penuntutan ilmu, pengajaran atau pelajaran (yang diperoleh dari sekolah) ilmu pengetahuan. Bagi pergi ke sekolah, menuntut (di sekolah). Manakala menurut Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan (2002: 1646) sekolah bermaksud perguruan, madrasah, tempat belajar dan mengajar, tempat menerima dan memberi pelajaran, maktab. Di dalam kajian ini sekolah adalah tempat pelajar menuntut ilmu semasa di sekolah.

1.12 Kesimpulan

Peranan pihak pengurusan disiplin sekolah melaksanakan program untuk mengurangkan masalah disiplin pelajar. Penglibatan guru disiplin dapat memperbaiki sikap dan tingkahlaku pelajar melalui pandangan, teguran dan nasihat yang boleh dijadikan panduan kepada semua pelajar. Pengetahuan guru disiplin dapat memperkasakan disiplin di sekolah kerana pelajar akan mengetahui amalan disiplin yang baik. Guru disiplin yang berketrampilan akan sentiasa mempunyai ilmu dan panduan apabila sentiasa merujuk Panduan Tatacara Disiplin Sekolah untuk Guru Besar dan guru dan Peraturan-peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959 serta surat-surat perkeliling yang dikeluarkan oleh KPM. Acuan sesebuah sekolah ditunjukkan melalui disiplin pelajarnya yang akan membentuk identiti, sikap, tingkahlaku dan penampilan pelajar. Jika jati diri pelajar berdisiplin maka tidak mustahil pelajar sekolah tersebut akan dapat meningkatkan prestasi kejayaannya di dalam sahsiah diri, akademik dan kokurikulum. Menurut Md. Fadzil (2005) menyatakan faktor utama kejayaan atau peningkatan prestasi kejayaan sesuatu sekolah adalah disiplin.

RUJUKAN

- Abdul Razak bin Hashim. (1995). *Kepimpinan Pendidikan : Persepsi Guru-guru terhadap Kepimpinan Guru Besar di Sekolah-sekolah Rendah di Begeri Perlis*. Universiti Utara Malaysia.
- Abdullah Hassan. Ainon Mohd. (2007). *Teori dan Teknik Kepimpinan. Panduan Aplikasi di tempat Kerja*. (2007). PTS Profesional Publications Sdn. Bhd.
- Abdullah Sani Yahaya. (2009). *Mengurus Sekolah*. Universiti Sains Malaysia. Pulau Pinang. PTS Profesional Publications Sdn. Bhd.
- Abdullah Sani Yahaya. (2005). *Mengurus Disiplin Sekolah*. Universiti Sains Malaysia. Pulau Pinang. PTS Profesional Publications Sdn. Bhd.
- Abdullah Sani Yahaya. Adbul Rashid Mohamed. Abdul Ghani Abdullah(2007). *Guru Sebagai Pemimpin*. PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Ab. Rahman Jusoh. (1997). *Kaitan Kepimpinan dan Pengurusan Pengetua pada prestasi Disiplin di Sekolah*. Universiti Utara Malaysia.
- Ahmad Fadzli bin Yusof (2004). *Resepi Kejayaan Untuk Pelajar*. PTS Millennia.
- Ahmad Ismail. (2008). *Silabus Penghantar Manajemen*. Penghantar Manajemen. http://kampus-online.blogspot.com/2008/06/ch1-pmanajemen_22.html.
- Ahmad Zabidi Abdul Razak (2004). *Memimpin Diri Sendiri*. PTS Publications and Distribution Sdn. Bhd.
- Aminuddin bin Hehsan. Siti Noor Binti Muhamad. (2009). *Tahap Disiplin Pelajar Sekolah Masa Kini : Satu Kajian di Maaahad Ahmadi di Tanah Merah*. Universiti Teknologi Malaysia. [eprints.utm.my/...Tahap Disiplin Pelajar Sekolah Masa Kini.Pdf](http://eprints.utm.my/...Tahap_Disiplin_Pelajar_Sekolah_Masa_Kini.Pdf).
- Anniepetrus (2003), Lembaga Disiplin SMKKII, anniepetrus.tripod.com/index.htm. (20.3.2003)
- Arbak Othman. (2007). *Kamus Fajar KBSR. Oxford Fajar*. Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Azizi Yahaya. Jamaludin Ramli. (2008). *Faktor-faktor Mempengaruhi Kemerostan disiplin Di Kalangan Pelajar di Johor*. Universiti Teknologi Malaysia. [eprints.utm.my/6608/1/Full Tesis shoba.pdf](http://eprints.utm.my/6608/1/Full_Tesis_shoba.pdf).
- Azizi Yahaya. Shahrin Hashim. Jamaludin Ramli. Yusof Boon. Abdul Rahim Hamdan (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan. Teor, Analiss dan Ibtterpretasi Data*. PTS Profesional Publications Sdn. Bhd.
- Azizi Yahaya. Shahrin Hashim. Yusof Boon. Zurhana Muhamad. (2008). *Tip Menangani Buli Di Sekolah*. PTS Profesional Publications Sdn. Bhd

- Azizi Yahaya. Shahrin Hashim. Yusof Boon. How Lee Chan. , *Faktor-faktor Mempengaruhi Gejala Ponteng Di Kalangan Pelajar di sekolah Menengah Johor*. Universiti Teknologi Malaysia.
eprints.utm.my/3961/2/Azizi_Yahaya.pdf.
- Azman bin Hj Adnan, (1999). *Kursus Pengurusan dan Kepimpinan Sekolah (Khas)*, Institut Aminuddin Baki, Pahang.
- Baharom Mohamed, Illiyas Hashim (2009), *Bagaimana Memotivasikan Pelajar, Teori, Konsep dan Kepentingan*. PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd., Kuala Lumpur
- Chua Yan Piaw. (2011). *Kaedah dan Stitistik Penyelidikan. Buku 1. Kaedah Penyelidikan. Edisi Kedua*. Mc Graw Hill. Kuala Lumpur.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah dan Stitistik Penyelidikan. Buku 2. Asas Statistik Penyelidikan*. Mc Graw Hill. Kuala Lumpur.
- Chen oh Muda. (1995). *Hubungan di Antara Gaya Kepimpinan Pengetau dengan Tahap Motivasi guru-guru Sekolah Berasrama Penuh di Wilayah Persekutuan*. Universiti Utara Malaysia.
http://edua3.uum.ed.my/57/1Che_Noh_Muda.pdf
- Chew Hook Liong. (1999). *Guru Berkesan Kecemerlangan Pendidikan*. Penyemai Kreativiti Guru. BESTARI. Jabatan Pelajaran Negeri Johor.
- Dato' Dr. Hj Mohd Fadzilah Kamsah. (2005). *Kemahiran Belajar Petua Pelajar Cemerlang*. Telaga Biru Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.
- Deddy Kurniawan. (2009/2010). *Upaya Guru Pendidikan Agama Islam Dalam Mendisiplinkan Siswan Kelas XI IPS yang Melanggar Kontrak Belajar pada mata pelajaran Agama Islam (PAI) di Sekolah Menengah Atas Negeri 3 (SMAN) Pontianak. SKRIPSI*. dedydewan.blogspot.com
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2007). *Kamus Dewan Edisi Empat*. Dawama Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2006). *Kamus Pelajar Terbitan Khas KBSM*. Dawama Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.
- Dr. James Ang Jit Eng (2011), *Pengurusan Disiplin Murid Edisi Kedua*. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd., Selangor.
- Dr. James Ang Jit Eng (2005), *Pengurusan Disiplin Sekolah : Pendekatan Alternatif Menangani Gejala Disiplin di Sekolah*, Institut Aminuddin Baki, Pahang, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Dr. Lay Yoon Fah. Khoo Chwee Hoon. (2009), *Pengenalan Analisis Data Komputer dengan SPSS 16.0 for Wondows*. Venton Publishing (M) Sdn Bhd.

- Guru_Cikgu. (2010). *Latar Belakang, Personaliti dan pengalaman bertugas criteria pemilihan guru disiplin*.
perkhidmatanpelajaran.blogspot.com/2010/05/latar-belakang-personaliti-dan-html
- Hajjah Saloma bte Haji Zaini. Abd. Aziz bin Hj. Ismail. (2011). *Menangani Kenakalan Murid-Satu Pendekatan Alternatif*. Jurnal Kajian Tindakan. Majlis Pengetua Sekolah Malaysia (MPSM) Johor. Jabatan Pelajaran Negeri Johor.
- Hajjah Zalaha binti Md Said. (2010). *Sistem e-Merit Demerit untuk Menangani Masalah Disiplin*. Jurnal Kajian Tindakan. Majlis Pengetua Sekolah Malaysia (MPSM) Johor. Jabatan Pelajaran Negeri Johor.
- Haji Mohamad bin Hj Mahadi. Norhizaliney binti Ibrahim (2010). *Perlaksanaan Skwad AVADDS dalam Mengurangkan Masalah Vandalisme dan Salah Laku Disiplin di SMK Tanjung Datuk*. Jurnal Kajian Tindakan. Majlis Pengetua Sekolah Malaysia (MPSM) Johor. Jabatan Pelajaran Negeri Johor.
- Haji Muhammad Zakaria. (2005). *Teknik Belajar Berkesan Nur Amalina*. Telaga Biru, Kuala Lumpur.
- Haji Zainal Abidin Safarwan. (2002). *Kamus Besar, Bahasa Melayu Utusan*. Utusan Publications & Distributors.
- Haji Zakaria bin Haiyun. (2011). *Menangani Salah Laku Disiplin Pelajar yang Berkesan melalui Program RAPID di SMK Sagil, Ledang*. Jurnal Kajian Tindakan. Majlis Pengetua Sekolah Malaysia (MPSM) Johor. Jabatan Pelajaran Negeri Johor.
- Hayadin. (2008). *Pengambilan Keputusan untuk Profesi pada Siswa Jenjang Pendidikan Menengah (Survei pada SMA, MA, dan SMK di DKI Jakarta)*.
petamasadepanku.net/search/analisis-bimbingan-konseling
- Ibrahim Mamat. (1998). *Pengetua Sekolah Menangani Isu dan Cabaran*. Kumpulan Budiman Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.
- Ismail bin Mustafa. (2008). *Kepimpinan Pendidikan Teori dan Amalan*. Pure Honey Enterprise, Kedah.
- Institut Aminuddin Baki. (2009). *Program Latihan 2009*. Institut Aminudin Baki, Genting Highland.
- James Ang Jit Eng. (2008), *Pengurusan Disiplin Murid*. PTS Profesional Publications Sdn. Bhd.
- James Ang Jit Eng. (2011), *Pengurusan Disiplin Murid. Edisi Kedua*. PTS Profesional Publications Sdn. Bhd.

Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur.

<http://www.moe.gov.my>

Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur. (1988). *Panduan Tatacara Disiplin Sekolah Untuk Guru Besar dan Pengetua*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Khalim Zainal. Wan Zulkifli Wan Hassan. (2009), *Pendekatan Islam dalam Menangani Masalah Disiplin Tegar Dalam Kalangan Pelajar Sekolah : Satu Kajian Kes*. Journal of Islamic and Arabic Education 1 (2), 2009, 1-14. Universiti Kebangsaan Malaysia.
article.ukm.my/766/1/6_0.pdf.

Khalim Zainal. Rohani Ahmad Tarmizi. Zakaria Kasa. Mizan Adillah Ahmad Ibrahim. (2007), *Program Sistem Penalti : Kaedah Alternatif bagi Pengurusan Disiplin Pelajar*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
journalarticle.ukm.my/192/1.pdf.

Lokman Mohd Tahir. Khadijah Daud. Mohd Anuar bin Abdul Rahman (2011). *Teori Dan Model Kepimpinan Dalam Pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia.

Majlis Aspirasi Pemangkin Nasional, *Kearah Salah Laku Sifar*, Kementerian Pelajaran Malaysia, Polis Di Raja Malaysia, Majlis Aspirasi Pemangkin Nasional, M2 Monosetia Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.

Mazlan bin Zainol (2007), *Memperkasa Akhlak Pelajar : Peranan dan Tanggungjawab Bersama*, Bestari Koleksi Guru Johor, Bil. 10, Jabatan Pelajaran Negeri Johor.

Md Fadzil bin Haji Hassan. (1987). *Kearah Peningkatan Disiplin Sekolah*. Jurnal KPM Jilid XXX1. Keluaran 70, 20 Julai 1987. Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Anuar bin Abd. Rahman. Hj Md. Sa'don bin Virdani (2007), *Pengetahuan, Kemahiran dan Sikap Guru Disiplin Dalam Menjalankan Tugas di Sekolah Rendah Daerah Segamat*. Universiti Teknologi Malaysia.
eprints.utm.my/11811/1/pengetahuan.pdf.

Mohd Ismail Othman (2006). *Undang-undang untuk Pengetua dan Guru Besar*. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd., Kuala Lumpur

Mohamad Najib Abdul Ghafar (2010), *Pembangunan Organisasi Pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.

Mohd Rasit b Asan. (2009). *Pemimpin Organisasi Pendidikan, Perlu Melaksanakan Prinsip-prinsip Etika Kerja Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) supaya dapat Memepertingkatkan Martabat Profesion Keguruan : Satu Perbincangan*. Penyemai Kreativiti Guru. BESTARI. Jabatan Pelajaran Negeri Johor.

- Mohd Rashid Mohd Saad (2007), *Mengapa Rotan Tidak Berkesan*, PTS Professional Publishing Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.
- Mok Soon Sang (2000), *Siri Pendidikan Perguruan ilmu Pendidikan untuk KPLI (Kursus Perguruan Lepas Ijazah) Semester 1*. Kumpulan Budiman Sdn. Bhd., Selangor
- Mok Soon Sang (2002), *Ilmu Pendidikan Untuk KPLI : Kursus Pengurusan Lepas Ijazah Edisi2* Kumpulan Budiman Sdn. Bhd., Selangor
- Mok Soon Sang (2008), *Pengurusan Ha Ehwal Pelajar*. Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd., Selangor
- Muhlisin. (2008). *Profesionalime Kinerja Guru Menyongsong Masa Depan*. Jurnal Manajemen Disiplin Siswa.
blog.tp.ac.id/faktor-yang-mempengaruhi-kinerja-guru-kedisiplinan
- Omardin bin Ashaari. (1996). *Pengurusan Sekolah Suatu Panduan Lengkap*. Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd, Kuala Lumpur
- Omardin bin Ashaari. (1998). *Peranan, Tugas dan Tanggungjawab Guru di Sekolah*. Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd, Kuala Lumpur
- Osman bin Affan. (2009). *Persediaan Minda Untuk Menjadi Pelajar Cemerlang*. PTS Millenium Sdn. Bhd., Kuala Lumpur
- Pejabat Pendidikan Daerah Segamat, Johor.
<http://ppdsegamat.edu.my>
- Pengertian Hukuman*,
www.scribd.com/doc/41089709/
- Philip C. Van D Westhuizen, M. J. Mosoge, L. H. Swanepoel, L. D. Coetsee. (2004). *Kultur Organisatoris Dan Prestasi Akademis Di Dalam Sekolah Menengah*. Universitas North-West, Kampus Potchefstroom
jimmyraharjo.blogspot.com
- Prof. Madya Dr. Baharom Mohamad. Iliyas bin Hashim. (2009). *Bagaimana Memotivasi Pelajar. Teori, Konsep dan Kepentingan*. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Prof. Madya Hj. Md Izuddin bin Hj Ali. Zetty Zahureen Mohd Yusof. (2006). *Jalan Pantas Kearah Pelajar Cemerlang*. Telaga Biru Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.
- Rahil Mahyuddin, Habibah Alias (2007). *Psikologi Pendidikan Untuk Perguruan, Edisi ke-2*. Karisma Production Sdn. Bhd, Kuala Lumpur
- Razali bin Mat Zin (1990). *Kepimpinan Dalam Pengurusan*. Utusan Printcorp Sdn. Bhd, Kuala Lumpur

- Robert b. Nelson (1999). *Memberikan Kuasa kepada Pekerja Melalui Delegrasi*. Synergy Book International
- Roszelan Majid, *Masalah Disiplin Sekolah*,
roszelan.wetpaint.com/page/Disiplin
- Shahril @ Charil Marzuki. (2005). *Mengurus dan Membiayai Pendidikan di Malaysia*. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd
- Siti Zuraidah binti Mukhtar. (2008). *Tahap Amalan Pengurusan Dalam Elemen Pengurusan Pentadbiran dan Pengurusan Disiplin di Sekolah Menengah Islam Hidayah, Johor Bahru*. Universiti Teknologi Malaysia.
- SMK Bandar Putra Segamat. (2006). *Buku Peraturan Sekolah*. Ming Ming Stationary. Segamat.
- SMK Dato Bentara Dalam. (2006). *Panduan Disiplin dan Peraturan Sekolah*. Ming Ming Stationary. Segamat.
- SMA Wahid Hasyim. (2010). *Jurnal Pendidikan 03/23/10 : SMA Wahid Terseno Budaya Disiplin Menuju Sukses*.
redaksi.jurnalpendidikan.blogspot.com/2010_03_23_archive.html
- SMKTI (2010), *Pengurusan Disiplin Murid SMKTI, (19/2/2010)*
myhemsmti.blogspot.com/2010/01/18-pengurusan-disiplin-murid-smkti.
- Universiti Teknologi Malaysia, *Pengurusan Disiplin Sekolah*, UTM, Johor.
eprints.utm.my/6608/1/Ful-Tesis-Shoba.pdf
- Wan Ahmad Nasir Hassan. (1985). *Pentadbir / Pengurus Sekolah Kearah Peningkatan Disiplin Sekolah*. Jurnal KPM 27-37. 1982-1993. Keluaran 66, Jun 1985. Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan, Kementerian Pelajaran Malaysia. m/s 20-32.
- Wong Hong Ying. (2008). *Amalan Pengurusan Pentadbiran dan Pengurusan Disiplin di Sekolah Rendah Islam Hidayah, Johor Bahru*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Yahaya Buntat. Zainuddin Masrom. (2003) *Amalan Profession Perguruan di Kalangan Guru-guru Sekolah Kebangsaan Kampung Melayu Kulai Johor. Satu Tinjauan*. Jurnal Teknologi. 38(E). Jun 2003. 65-74. Universiti Teknologi Malaysia.
- Yew Kok Leh. (2011). *Mengurangkan Kadar Salah Laku Murid melalui Penglibatan Murid secara Aktif Diri dalam Aktiviti Sekolah (ADIDAS)*. Jurnal Kajian Tindakan. Majlis Pengetua Sekolah Malaysia (MPSM) Johor. Jabatan Pelajaran Negeri Johor.
- Zainal Madon. Mohd. Sharani Ahmad. (2004). *Panduan Mengurus Remaja Moden*. PTS Publications and Distributors sdn. Bhd.